

**PAS Umum Calon Pilihan Raya Kecil Di Kampung Nail, Kuala Besut Selasa Malam  
Bernama  
8 Julai, 2013**

KUALA TERENGGANU, 8 Julai (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang akan mengumumkan calon pilihan raya kecil (PRK) kawasan Dewan Undangan Negeri Kuala Besut di Markas Besar Pemuda, Kampung Nail Kuala Besut Selasa malam.

Pengarah PRK DUN Kuala Besut PAS, Satiful Bahri Mamat berkata PAS Terengganu menyenarai pendek beberapa calon yang layak dan terpulang kepada PAS Pusat untuk buat keputusan di Kuala Lumpur Isnin malam.

"Tuan Guru (Abdul Hadi) sendiri akan mengumumkan calon pada malam esok selepas solat tarawih pertama. Insya-Allah kami akan dapat keputusan malam ini dan selesaikan isu calon," katanya kepada Bernama di sini Isnin.

Barisan Nasional (BN) juga, menerusi Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, dijadual mengumumkan calon parti itu Selasa berdasarkan kenyataan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan tarikh PRK DUN Kuala Besut pada 24 Julai manakala penamaan calon pada 12 Julai.

PRK ini merupakan yang pertama selepas berlangsungnya pilihan raya umum ke-13 (PRU13) berikutan wakil rakyat Kuala Besut Dr A. Rahman Mokhtar meninggal dunia pada 26 Jun akibat kanser paru-paru.

DUN Kuala Besut mempunyai 17,683 pengundi berdaftar. Pada PRU13, Dr Rahman mendapat majoriti 2,434 undi menewaskan calon PAS Napisah Ismail.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=961718>